

Wadah Pembaharuan

# BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

## Bajet 2022 lulus dengan sokongan majoriti

RUU diluluskan selepas mendapat sokongan majoriti ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang tanpa perlu proses undian

Nasional 16



(Foto BERNAMA)

PNB lancar ASN Equity Global, dana amanah kedua tumpu pelaburan dalam pasaran saham luar negara

Bisnes 44



# Kuota premis perniagaan untuk peniaga Bumiputera

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memperuntukkan kuota Bumiputera bagi premis perniagaan di lokasi strategik sebagai usaha meningkatkan daya saing dan mengukuhkan ekonomi golongan berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia antara cadangan yang bincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang dipengerusikannya, semalam.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan berhasrat menyemak semula pengurusan pusat beli-belah yang dimiliki syarikat berkaitan kerajaan (GLC) supaya ia diuruskan oleh syarikat tempatan dalam memastikan peniaga, khususnya Bumiputera dapat menjalankan perniagaan mereka di situ.

"Kerajaan mengambil maklum bahawa golongan Bumiputera masih rendah dari segi pemilikan premis perniagaan di pusat beli-belah berprestij dan di lokasi tumpuan pelancongan."

"Walaupun ada di antara pusat beli-belah ini dimiliki oleh GLC, namun peniaga Bumiputera dilihat masih kurang berkemampuan mendapatkan ruang perniagaan di premis berkenaan kerana kadar sewa yang dikenakan terlalu tinggi selain faktor persaingan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas mesyuarat itu.

Agenda utama mesyuarat yang diadakan secara persidangan video itu adalah untuk memuktamadkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030).

Nasional 3



4 kedai pajak gadai haram di Selangor, Johor diserbu

Ketua Siasatan dan Pemantauan Bahagian Kawalan Kredit Komuniti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Asisten Komisioner Mohd Fauzi Hassan (dua dari kanan) menunjukkan barang dan wang tunai yang dirampas dalam serbuan ke atas empat premis pajak gadai haram yang beroperasi di Selangor dan Johor. Rampasan bernilai lebih RM100,000 itu antaranya membabitkan wang tunai, barang kemas dan alat penimbang. Nasional 18

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Polis reman ibu saudara budak lima tahun maut terjatuh dari tingkat 16 kondominium

Nasional 19



Taklimat Petaling Jaya 1800 88 3993 Honda Motorcycle Malaysia [hondamotorcycle.my](http://hondamotorcycle.my) Boon Siew Honda Sdn. Bhd. 200401038385 (676896-A)

PERMADAT IMPIAN